

Pemaju saman penduduk

Oleh A. JAILANI ABDULLAH

DAMANSARA 14 Dis. - Isu projek pembinaan banglo Damansara 21 kini menjadi semakin rumit apabila pemaju projek itu, Selangor Dredging Bhd. (SDB) bertindak menyaman persatuan penduduk yang membantah pelaksanaan projek tersebut.

Pengerusi Persatuan Penduduk Medan Damansara, P. Sudhakaran berkata, pihak pemaju memfailkan saman fitnah terhadap dirinya dan tiga pemimpin lain persatuan penduduk itu.

Menurutnya, saman yang difailkan dua bulan lalu itu menamakan dirinya sebagai defendan ketika menjadi Naib Pengerusi; bekas Pengerusi, Datuk Dr. Abdul Shukor Abdul Lah; Setiausaha Peter Riya-ppan dan Bendahari Randhir Singh.

"Tiga minggu kemudian kami pula memfailkan saman untuk mempertahankan diri.

"Saya tidak sabar untuk ke mahkamah dan berharap perbicaraan dijalankan dalam masa terdekat," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk M. Saravanan di sini semalam.

Beliau berkata, persatuan itu tidak gentar dengan tindakan pemaju itu kerana mereka mempunyai semua fakta bagi menyokong setiap dakwaan yang mereka nyatakan selama ini.

Randhir pula berkata, penduduk di Medan Damansara telah menubuhkan tabung untuk membiayai perantaraan bagi kes itu.

"Selain penduduk Medan Damansara, tabung itu juga menerima sokongan daripada para penduduk di kawasan sekitar," ujarnya.

Sementara itu, penduduk-penduduk Medan Damansara di sini mendapat 'kemenangan moral' dengan keputusan kerajaan untuk tidak membenarkan sebarang pembangunan di kawasan bercerun 35



P. SUDHAKARAN



SEPAKAT... Penduduk Medan Damansara berkumpul lagi untuk mengadakan bantahan terhadap projek Damansara 21 di Medan Damansara, Kuala Lumpur, kelmarin. Lereng bukit bertutup kanvas di belakang penduduk adalah tapak projek itu.

- Gambar IZHAM JAAFAR

darjah ke atas.

Sudhakaran berkata, berdasarkan garis panduan itu, adalah jelas projek Damansara 21 di atas bukit berhampiran kawasan kediaman penduduk itu telah melanggar ketetapan tersebut.

Keputusan kerajaan itu diumumkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, kelmarin.

Selain itu, Zulhasnan turut mengumumkan bahawa projek pembangunan di kawasan yang bercerun 26 hingga 35 darjah turut dibekukan sehingga satu perancangan, reka bentuk sempurna dan sistem kawalan sempurna diwujudkan oleh kerajaan.

"Mengikut ketetapan yang diumumkan oleh menteri, maka projek pembangunan ini sepatutnya tidak boleh diteruskan,"

katanya.

Sudhakaran berkata, berdasarkan dokumen yang diberikan kepada mereka oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan SDB, kira-kira setengah daripada kawasan pembangunan itu mempunyai kecerunan 35 darjah ke atas.

"Sebanyak 14.9 peratus daripada keluasan keseluruhan tanah itu mempunyai kecerunan 35 darjah ke atas.

"Antara 25 hingga 35 peratus kawasan lagi mempunyai kecerunan 25-35 darjah.

"Angka-angka ini diberikan oleh pemaju sendiri dan juga DBKL. Daripada angka-angka yang kita ada ini, projek ini patut dibatalkan kerana lebih setengah daripada kawasan ini tidak boleh dimajukan sebagaimana pengumuman menteri," ujarnya.

Projek pembinaan 21 banglo enam ting-

kat itu, yang dikatakan berharga antara RM10 hingga RM15 juta, dijalankan di kawasan berkeluasan dua hektar.

"Sebenarnya undang-undang sudah ada tetapi implementasinya kurang. Bila ditanya, macam-macam alasan diberikan," katanya lagi.

Sudhakaran juga berkata, pihaknya tidak akan berhenti berusaha bagi memastikan projek tersebut dihentikan sepenuhnya.

Katanya, pihaknya akan terus mengadakan perjumpaan dengan pihak berkuasa iaitu Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, Jabatan Perdana Menteri dan pejabat Timbalan Perdana Menteri serta Datuk Bandar yang baru, Datuk Ahmad Fuad Ismail untuk membatalan projek itu.